

KUALA LUMPUR. Isnin — UMNO hari ini mengalu-alukan cadangan kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di negara ini dan berharap ia akan mendapat sokongan sepenuhnya daripada penduduk berbagai agama di seluruh tanahair.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar berkata seluruh rakyat Malaysia perlu menyokong tujuan murni ini kerana ia dapat menyatupadukan semua negara Islam di peringkat antarabangsa.

"Saya penuh yakin rakyat negara ini akan mengalu-alukan penubuhan universiti tersebut dan UMNO berdoa agar niat suci kerajaan itu juga mendapat kerjasama baik dari semua negara Islam," tambah beliau.

UMNO harapkan sokongan semua pihak

Beliau memberitahu demikian semasa mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir sekembalinya dari lawatan ke negara-negara Teluk semalam bahawa Universiti Islam Antarabangsa akan ditubuhkan di negara ini tahun depan dan terbuka bagi semua pelajar dari berbagai agama.

Sambil mensifatkannya sebagai kena pada masanya, Datuk Mustafa

Jabar menegaskan penubuhan universiti itu merupakan satu penghormatan dan pandangan tinggi yang diberikan oleh negara-negara Arab terhadap Malaysia terutama sekali dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional.

Syar Islam

"UMNO sebagai teras Barisan Nasional tidak pernah mencanangkan bahawa ia sebuah parti

yang menegakkan syiar Islam tetapi negara-negara Islam telah memberi penghormatan kepada Malaysia dengan penubuhan universiti itu," tambah beliau.

Katanya, usaha Perdana Menteri menubuhkan universiti itu di negara ini perlu disyukuri oleh semua pihak kerana ia akan mengukuhkan perpaduan di antara Malaysia dengan negara Islam lain.